

## **BAB 2**

### **GAMBAR SEBAGAI MEDIA KOMUNIKASI**

#### **2.1 PENGENALAN**

Gambar foto membawa kita ke serata ceruk dunia pada zaman ini. Kita dapat melihat segala yang hidup di Afrika, di kutub Utara dan Selatan, di dasar lautan, malah permukaan bulan dan bintang. Semuanya ini dapat dilakukan oleh manusia masa kini, terutamanya dengan gabungan seni dan teknologi fotografi.

Fotografi juga telah digunakan sebagai alat untuk “menjual” kepada kita makanan, kereta, kosmetik dan beribu-ribu produk lain sehingga hampir semua barang di pasaran hari ini dijual melalui gambar. Setiap hari kita dipujuk dan dirayu melalui akhbar, majalah, televisyen dan filem. Ringkasnya fotografi seringkali dapat mempengaruhi kita dengan berbagai cara tanpa kita sedari (Nayan Ahmad: 1984).

Fotografi sebenarnya muncul dan berkembang sebagai suatu bahasa yang dapat digunakan sebagai satu media komunikasi yang amat berkesan. Malah fotografi juga kini telah diakui ramai sebagai sesuatu yang menghampiri media komunikasi sejagat dan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira batas sempadan fizikal, sosial atau budaya selagi seseorang itu mampu melihat. Oleh kerana fotografi banyak menerang dan mengajar kita tentang banyak perkara di alam ini, ia boleh dianggap sebagai bahasa dan alat untuk berkomunikasi.

## **2.2. LITERASI VISUAL**

Sebelum kita memberi definisi kepada istilah kewartawanan foto, kita perlu mengenal konsep literasi visual. Konsep ini akan memberikan kita sedikit asas yang kukuh bagi membincangkan konsep dan prinsip lain yang berhubung rapat dalam hal kewartawanan foto. (Nayan Ahmad: 1984)

Literasi atau kenal huruf ialah kebolehan membaca dan menulis bahasa bertulis. Misalnya, jika kita boleh membaca buku atau majalah, kita dikatakan *literate* atau tidak buta huruf. Kalau kita boleh membaca karya semua tulisan yang agak sukar dan mempunyai pengetahuan tentang apa yang dibaca itu, kita dikatakan “literate” lagi. Seterusnya, jika kita dapat membaca sesuatu yang baik atau kompleks serta dapat pula mengukur nilai individu, moral, sosial dan sebagainya di samping berupaya pula membentuk sesuatu konsep yang sah tentang apa yang dibaca itu, kita sudah dianggap sebagai “literate” pada peringkat tinggi.

Bagaimanakah pula dengan literasi visual? Ini merupakan kemampuan kita menggerakkan tenaga fikiran bila menghadapi mesej yang menggunakan gambar atau lambang yang mempunyai imej seperti yang terdapat dalam gambar foto dan sebagainya. Sebenarnya, tidaklah begitu tepat bagi kita mendefinisikan literasi visual seperti mendefinisikan literasi bahasa bertulis atau kenalhuruf. Pertama, lambang bahasa bertulis adalah nyata dan cuma membawa makna yang yang satu dan tertentu, terutama makna denotatifnya. Cuma kadang-kadang makna konotatifnya sahaja yang berbeza, misalnya mengikut konteks di mana

perkataan itu digunakan. Oleh itu, tidaklah mudah untuk kita **menyamakan** literasi visual dengan literasi bahasa bertulis.

Sebagai contoh, gambar televisyen memang banyak **menggunakan** lambang visual. Jika kita berdasarkan kepada konsep literasi **visual yang** dikatakan tadi, sebagai penonton, kita seharusnya mentafsirkan **lambang itu** dengan makna yang sama antara kita. Tetapi faktor ini tidaklah **tepat. Walau** bagaimanapun, oleh kerana televisyen juga merupakan fotografi, **kita akan** mengaitkan televisyen dan menjelaskan konsep ini. Sungguhpun **fotografi bukan** hanya sekadar gambar di televisyen, fotografi di kaca televisyenlah **yang paling** selalu dan paling berkesan digunakan sebagai bahasa visual **atau bahasa** bergambar.

Televisyen telah menjadi jentera pengajaran dan pendidikan **yang** terpenting pada zaman ini. Antara yang diajar pada kita ialah **bahasa visual**. Bahasa jenis ini mengandungi perkataan, muzik, gambar dan berbagai lagi. **Dua** pihak utama yang terlibat dalam usaha yang bijak dan berulang-ulang **untuk** mempengaruhi gerak balas kita ini ialah pihak pengiklan dan **pihak penerbit** rancangan. Tujuan mereka ialah untuk menarik perhatian kita ke **kaca televisyen** dan hampir semua mesej (perkataan) di dalamnya telah diberi **lambang tertentu**, sama ada secara disedari atau tidak disedari oleh kita. Pihak tersebut **akan** mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan kita memahami **lambang yang** digunakan. Ini adalah kerana mereka mengetahui yang kita tidak **akan bertindak** balas seperti yang dikehendaki oleh mereka. Jika kita tidak memahami **lambang**

tersebut. Oleh itu, mereka sering bertungkus lumus mewujudkan lambang yang dikenali ramai serta melakukan manipulasi ke atasnya supaya mesaj dapat disusulkan dalam lambang visual yang menarik. Ini dilakukan dengan menggunakan imej yang hebat (Harold Evans:1978).

Dengan ini, dapatlah kita rumuskan bahawa literasi visual mempunyai kaitan rapat dengan bahasa visual atau lambang visual. Oleh kerana bahasa berupaya mencetuskan proses pemikiran dan imej gambar foto dianggap sebagai “bahasa”, kemampuan kita melihat, memikir dan berbincang tentang sesuatu gambar foto, sama dari televisyen, filem, akhbar, majalah atau apa saja, dikenali sebagai ‘literasi visual’.

Oleh itu, seseorang jurugambar sama ada dalam bidang kewartawanan, grafik atau artistik, terutama yang benar-benar berminat dan menganggap dirinya sebagai profesional supaya cekap dalam mewujudkan dan menggunakan imej gambar foto untuk mencari matlamat yang dikehendaki. Namun begitu, pengguna ini memerlukan panduan supaya tidak berlaku manipulasi yang tidak diingini sehingga menjelaskan kepentingan orang ramai.

Dengan itu, perlulah ditegaskan bahawa seseorang jurugambar yang ingin melibatkan diri dalam usaha atau proses komunikasi semestinya alah perlu melengkapi dirinya dengan pengetahuan yang lengkap mengenai setiap alat fotografinya, mempunyai daya kreatif dalam menggunakan alat fotografinya, mampu mewujudkan lambang (yang dikenali penonton) bahasa komunikasi yang menjimatkan masa dan ruang, terutamanya semasa ingin mewujudkan kesan

dengan menggunakan bahasa bertulis secara minimum. Oleh itu, seringkali didapati bahawa seseorang individu yang mempunyai literasi visual yang tinggi akan lebih mampu dan berjaya sebagai seorang jurugambar dan sebagai seorang komunikator yang cekap (Nayan Ahmad:1993).

### **2.3 SEJARAH KEWARTAWANAN FOTO**

Penghuraian dan penyampaian idea, pendapat, maklumat dan sebagainya dalam bentuk ilustrasi bermula sejak zaman-berzaman lagi. Misalnya tulisan Jepun dan tulisan Cina berdasarkan lambang struktur idea atau benda. Lukisan dan gurisan orang zaman batu di dalam gua mereka semuanya menunjukkan cara manusia melahirkan idea (Brian Ceo:1976).

Beberapa khazanah tamadun kerajaan Mesir Tua telah menunjukkan bahawa proses percetakan dalam bentuk ilustrasi yang menggunakan blok kayu telah diperaktikkan di negara ini. Pada masa itu, manusia telah menggunakan proses totehan kayu misalnya untuk membuat ilustrasi daun terup (kartu).

Sebenarnya, pendekatan kewartawanan secara bergambar yang mempunyai beberapa ciri lambang visual yang nyata seperti sekarang ini telah dimulakan pada abad kelapan belas oleh seorang pelukis Inggeris, William Hogarth. Dia menggemparkan masyarakat negaranya, terutamanya pengkritik seni lukis, dengan melukiskan secara berani keburukan masyarakat Inggeris pada masa itu. Dia sedikit sebanyak mengorbankan nilai seni dalam lukisan dengan melukis dan menggambarkan keruntuhan sosial dan moral orang zamannya tanpa

sifat gemilang dan indah, seperti yang terdapat dalam lukisan rakan-rakannya pada masa itu. Perkara ini mencetuskan perdebatan yang hebat kerana dia tidak mencontohi “the old masters” (Thames and Hudson :1965).

Pada zaman yang sama, Francisco Jose deGoya dari Sepanyol telah mengikut jejak William Hogarth kerana tidak tertahan lagi melihat masyarakatnya yang semakin runtuh di bawah kecelakaan rasuah dan kekejaman peperangan. Hasil karyanya telah membentang corak kehidupan masyarakat zamannya dengan nyata. Tindakan kedua-dua mereka ini menunjukkan bermulanya sesuatu pendekatan dokumentasi, ulasan dan interpretasi kepada gaya dan tingkah laku manusia. Ia juga merupakan peristiwa yang amat penting dalam perkembangan komunikasi visual.

Sungguhpun kamera dan laporan berita secara fotografi telah diketahui sejak tahun 1840-an dan 1850-an lagi, ilustrasi dalam setiap bahan cetak pada masa itu masih lagi disediakan oleh pelukis sketsa yang memang cukup mahir. Hal ini berlaku kerana proses membuat gambar foto adalah terlalu rumit dan memakan masa serta belanja yang banyak, sementara hasilnya seringkali tidak memuaskan.

Antara pelukis sketsa yang terkenal pada masa itu ialah John W. Barber, seorang pelukis dan ahli sejarah yang dihormati rakannya di Amerika. Dia berupaya menghasilkan beratus gambar sketsa yang disiarkan dalam akhbar. Kebanyakan gambar ini mengisahkan peristiwa yang membawa kepada meletusnya Peperangan Saudara Amerika pada tahun 1860-an.

Proses fotografi yang terawal diketahui ialah proses *daguerreotype*, atau jenis daguerreo yang diperkenalkan dalam tahun 1839 oleh seorang pelukis Perancis bernama Louis Jacques Mande Daguerre. Dia menggunakan kamera obskuranya. Proses ini menggunakan beberapa bahan kimia yang memakan masa terlalu lama iaitu dengan cara mendedahkan kepingan tembaga yang disalutti perak. Proses ini kemudian telah diperbaiki oleh beberapa orang lain sehingga dapat dipercepatkan sedikit masanya iaitu dengan cara menggunakan bahan kimia *silver bromide* atau *argentum bromida* dan dengan meletakkan kanta di depan kamera untuk mengenakan lebih banyak lagi cahaya kepada kepingan gambar. (Brian Ceo:1976)

Beberapa tahun selepas itu, proses plat bawah (wet-plate) telah ditemui dan proses fotografi terus diperbaiki. Hasil kemajuan ini, Roger Fenton, seorang wartawan foto pada masa itu telah berjaya mengambil beberapa ratus keping gambar mengenai peristiwa Peperangan Crimea (1855) dan telah mengedarkannya kepada akhbar di Britain.

Gambar itu tidak dicetak di muka akhbar seperti yang kita lihat sekarang ini, tetapi disertakan dalam akhbar sebagai kepingan gambar foto biasa yang diasingkan sebagai bahan tambahan.

Menyiaran berita dalam bentuk gambar terus dilakukan hingga ke tahun 1870-an, walaupun cara membuat filem dan alat fotografi telah dibaiki dan cara menyediakan gambar foto telah banyak dipercepatkan. Hal ini berlaku kerana proses menyalin gambar foto ke muka surat yang dicetak belum lagi dapat

diperbaiki sehingga proses *halfton* (*half-tone*) direka kemudiannya oleh Stephen H. Horgan di percetakan Daily Graphic, New York.

Gambar foto yang pertama dicetak dengan cara halfton ini ialah sebuah pemandangan bandar Shanty-town New York. Gambar itu tersiar dalam akhbar Daily Graphic pada 4 Mac, 1880 dan diberi tajuk "Direct From Nature," hasil seorang wartawan foto, Henry J. Newton. Peristiwa ini merupakan suatu detik penting dalam sejarah kewartawanan foto dunia seluruhnya.

Sejak itu, kamera menjadi semakin popular, bukan saja di kalangan wartawan tetapi juga di kalangan orang ramai. Tambahan pula dengan pengenalan proses *plat kering* (*dry-plate*) dan proses menyediakan gambar foto seperti rekaan filem gulung oleh George Eastman pada tahun 1855 (Brian Coe:1976).

Pada waktu ini juga, majalah yang gambarnya dilukis, iaitu dengan teknik gurisan dan torehan kayu dan sebagainya tidak lagi menjadi begitu popular. Antara majalah yang menjadi mangsa kedatangan teknologi baru dalam fotografi dan percetakan ini ialah *Illustrated London News*, *L'illustration* di Perancis, *Harper's Weekly* dan *Frank Leslie's Illustrated Newspaper* di Amerika. Dengan itu bermulalah pula suatu detik sejarah lain dengan munculnya majalah *Life* (1963) dan *Look* (1937) yang menunjukkan suatu kematangan dalam usaha berita secara bergambar dan kewartawanan foto. Perkembangan ini dikatakan oleh setengah ahli sejarah sebagai permulaan zaman kegemilangan kewartawanan foto (Ian Bradshaw:1965).

## **2.4 PERKEMBANGAN FOTOGRAFI**

Sejak tahun 350 Masihi lagi manusia sudah mula mengetahui prinsip mengenai kamera obskura dari imej terbalik yang didapati dalam khemah di kawasan Timur Tengah. Selepas itu, pada tahun 1568, Daniel Barbora dari Italy telah memperkenalkan kamera obskura yang menggunakan kanta mudah. Penemuan Johann Heinrich Schulze dari negara Jerman pada 1772 mendapat bahawa cahaya menghitamkan garam argentum (Brian Coe:1976).

Kajian untuk meningkatkan mutu fotografi telah dibuat secara berterusan oleh pengkaji di Amerika dan Perancis. Pada tahun 1802, Thomas Wedgewood, seorang Inggeris telah membuat gambar silohuet di atas kertas yang disaluti nitrat argentum, tetapi gambar tidak kekal (tidak dimatikan).

Sementara itu, pada 1822, gambar foto pertama (Heliograf) yang kekal, berupa positif telah dihasilkan oleh Joseph Nicephore Niepce, dari negeri Perancis, dengan pendedahan selama 8 jam. Kejayaan beliau telah menjadi inspirasi kepada Jacques Mande Daguerre, rakan senegaranya untuk memperkenalkan proses plat tembaga yang disaluti argentum iodida tujuh tahun selepas itu. Proses ini menghasilkan gambar positif terus dengan pendedahan selama 30 minit. Pada 1839, jenis Daguerreo (Daguerreotype) mula diperkenalkan kepada orang ramai.

Pada 1844 pula, seorang Inggeris bernama William Henry Talbot Fox telah mencipta proses negatif kertas dan cetakan kertas yang dinamakan proses Kalotaip (Calotype). Zaman fotografi mula menjadi semakin popular pada 1851,

apabila Fredrick Scott Archer mencipta kolodian (collodian) untuk disapu ke atas kaca dan disalutkan dengan bahan yang sensitif kepada cahaya. Ciptaan ini menandakan wujudnya negatif yang boleh ditembusi cahaya.

Pada 1861, James Clerk Maxwell memperkenalkan asas fotografi warna di Royal Institution, London. Kemudian Dr R.L. Madox, seorang Inggeris telah mencipta proses plat kering yang pertama dengan menggunakan gelatin. Sementara itu, di negara Jerman pula, filem autokromatik yang pertama telah direka oleh H. W. Vogel, seorang ahli kimia, dalam tahun 1873. Pada 1888, George Eastman, dari Amerika Syarikat, mengeluarkan kamera kecil dan filem gulung untuk kegunaan orang ramai. Filem Polaroid pula diperkenalkan oleh Edwin H. Land pada 1947 (Brian Coe: 1976).

## 2.5 KEWARTAWANAN FOTO

Menurut Edom, nama “kewartawanan foto” telah diberi kepada bidang pengajian ini oleh Frank Luther Mott dari Univeriti Missouri, Columbia, pada tahun 1942. Yang lebih penting, tarikh ini menandakan satu pengiktirafan yang sah bahawa gambar foto adalah penting dalam proses komunikasi. Bermula dari sinilah pengajian kewartawanan foto diberi tempat dan perhatian yang lebih wajar di beberapa buah institusi pengajian tinggi di Amerika dan Eropah sehinggalah ia berkembang ke negara lain kemudiannya (Nayan Ahmad:1984).

Wilson Hickss, seorang tokoh dalam bidang ini dan penasihat utama kepada majalah *Life*, pada satu ketika dulu, pernah memberikan definisi

kewartawanan foto sebagai gabungan antara media komunikasi perkataan dan media komunikasi visual (Ian Bradshaw:1986).

Definisi yang diberikan oleh Hicks ini merupakan satu daripada berpuluhan puluh definisi mengenai kewartawanan foto. Banyak yang telah dibincangkan tentang media ini, banyak juga pendekatan yang dibuat. Ada orang melihatnya hanya dari sudut kekuatan gambar. Ada pula yang memegang kuat pada pendapat bahawa perkataanlah yang akan terus menjadi teras dalam kewartawanan foto. Walau apapun, pendapat yang telah dikemukakan, definisi Hick itu masih sukar untuk dinafikan, terutamanya kerana hakikat kelebihan dan kekuatan lambang visual dengan perkataan pada zaman ini.

Sebenarnya, matlamat kewartawana foto ialah untuk mewujudkan satu hasil komunikasi yang bergabung melalui penggunaan kedua-dua media visual dan bahasa. Perbezaan penting yang harus diingat antara dua komponen kewartawanan foto ini (gambar dan perkataan) ialah bahasa sentiasa dikongkong oleh peraturan nahu dan susunan ayat yang khusus. Dengan ini, idea dan sebagainya terpaksalah dibentang satu persatu mengikut peraturan atau tatabahasa yang juga khusus. Sebaliknya, dalam gambar, segala idea, maklumat dan sebagainya dibentangkan secara serentak kepada penonton. Proses penerimaannya pantas, lebih-lebih lagi jika disertakan dengan perkataan yang sesuai (Robert L.Kerns:1980).

Ungkapan lama yang menyatakan “sekeping gambar bernilai lebih daripada seribu perkataan” masih ada kebenarannya sehingga hari ini. Sebagai

contoh, jika kita melihat gambar di panggung wayang atau di kaca televisyen yang mengisahkan sesuatu hanya dalam beberapa saat sahaja, apa yang dibentangkan itu jika ingin dihuraikan atau diceritakan dengan perkataan mungkin akan memerlukan beberapa kajang kertas. Itu pun belum pasti yang penghuraian kita tepat dan lengkap. Dengan itu, nyatalah bahawa gambar atau mesej visual mempunyai kekuatan yang sukar ditandingi.

Dalam akhabar dan majalah yang kita baca setiap hari, terdapat banyak unit asas kewartawanan foto, iaitu satu gambar dan beberapa perkataan yang diberi di bawahnya. Tanpa mengira samaada gambar orang, benda, peristiwa atau apa saja, jika gambar itu diiringi oleh beberapa perkataan untuk menjelaskan mengenainya, ia merupakan unit kewartawanan foto.

Matlamat wartawan, pemberita atau penulis ialah untuk melapor, menyampaikan maklumat dan memberikan interpretasi kepada penonton atau pembacanya. Seluruh usahanya yang utama ialah untuk mewujudkan semula sesuatu pengalaman, sama ada pengalamannya sendiri ataupun pengalaman orang lain, yang menjadi sumber cerita atau beritanya. Dengan itu, gambar foto dan perkataan yang mengiringinya memainkan peranan yang lebih berkesan dan mewujudkan semula pengalaman untuk seseorang penonton atau pembaca jika dibandingkan dengan hanya satu daripada kedua-duanya (Robert L.Kerns:1980).

Kewartawanan foto hari ini sebenarnya merangkumi bidang yang lebih luas sejak hasil pertama yang tersiar dalam Daily Graphic, New York, pada tahun 1880. Menurut Gidal, "kewartawanan foto seperti yang dibayangkan oleh

istilahnya itu merupakan perkembangan visual dalam kewartawanan". Walaupun konsep asalnya berpunca dari bidang aktiviti akhbar harian, tetapi kini, pada umumnya, ia meliputi segala jenis berita bergambar, cerita bergambar dan esei bergambar. Oleh itu, kewartawanan foto merupakan setiap usaha dalam media cetak yang menggunakan gambar foto untuk menghasilkan sesuatu aktiviti komunikasi.

Walau bagaimanapun, haruslah dinyatakan bahawa kewartawanan juga terdapat dalam media siaran. Oleh kerana media ini, terutamanya media visual, berfungsi sebagai suatu bahasa tersendiri, kita tidak boleh mengetepikan perkara ini secara langsung. Ini adalah kerana kewartawanan foto kini nyata sekali dalam kaca televisyen yang ditonton, lebih-lebih lagi dengan perkembangan kaedah pemberitaan baru yang dikenali sebagai ENG (Electronic News Gathering) atau pengumpulan berita secara elektronik. Oleh itu, konsep yang asal hanya menghadkan kewartawanan kepada aktiviti media cetak yang kini secara langsung telah berkembang hingga merangkumi media penyiaran. Justeru, wujudlah dua bidang kewartawanan, iaitu kewartawanan cetak dan kewartawanan siaran. Kewartawanan foto pula didapati dalam kedua-duanya. Dalam konteks komunikasi semasa, definisi yang lebih menyeluruh bagi bidang ini ialah: setiap usaha dalam media cetak dan media siaran yang melibatkan gambar foto untuk menghasilkan sesuatu aktiviti komunikasi (Kerns:1980).

## **2.6 PRINSIP VISUAL**

Pihak profesional dalam bidang komunikasi fotografi telah memberikan beberapa garis panduan atau prinsip bagi menilai gambar foto untuk diterbitkan dalam akhbar, majalah dan media lain. Prinsip ini telah lama terbukti dan menjadi satu set rukun yang sering berhasil kepada jurugambar dalam media. Prinsip visual ini sering diberi perhatian teliti dalam hubungannya dengan soal unsur gambaran seperti organisasi,imbangan,bentuk garis dan lengkung, irama dan corak serta jalinan (Nayan Ahmad:1984).

Seperti seorang penulis (pemberita) yang seharusnya memilih, mengatur dan menyusun bahannya, seorang jurugambar juga perlu berbuat demikian dengan bahan visualnya supaya unsur gambaran yang didapati dapat disusun secara yang paling berkesan. Gambar seperti ini bukan sahaja akan menjadi lebih menarik tetapi juga memudahkan penonton menangkap maksud yang hendak disampaikan dan seterusnya lebih mudah bagi mereka memahami kisah yang dirakamkan oleh gambar itu. Kaedah menyatukan unsur gambar seperti ini dikatakan gubahan atau komposisi.

Beberapa tahun dahulu, Clifford Granschow, seorang pelajar siswazah lanjutan dari Universiti Iowa, telah menjalankan satu projek penyelidikan berkenaan tanggapan penonton dan hubungannya dengan gubahan gambar. Contoh penyelidikannya itu terdiri dari pakar fotografi, penuntut sekolah dan orang biasa. Salah satu daripada keputusan hasil dari kajiannya itu membuktikan bahawa kebanyakan orang bertindak balas secara lebih positif kepada gambar

yang diberi bidang misalnya. Antara sebab yang diberi ialah gambaran seperti ini kononnya kelihatan hidup dan mempunyai tiga dimensi.

Sungguhpun sukar diberi jawapan yang definitif mengenai mengapa kita lebih tertarik kepada gambar yang digubah dengan baik, hakikatnya masih kekal hingga sekarang. Pertamanya, kerana penyelidikan telah mengesahnya walaupun keputusan masih dianggap tentatif. Keduanya, kerana pengalaman telah banyak menyokong pendapat ini.

Prinsip kedua yang berkait rapat dengan kaedah gubahan ialah prinsip imbangan. Prinsip ini sebenarnya berdasarkan kenyataan bahawa jika unsur visual tidak diimbangkan, gambar itu akan membawa maksud yang negatif. Penonton seolah-olah akan terasa kurang senang bila melihat objek yang kelihatan seakan-akan hendak jatuh misalnya. Gambar ini mungkin menarik perhatian penonton tetapi tidaklah sebegini lama, berbanding dengan gambar yang lebih sempurna.

Secara mudah, gambar yang dikatakan sempurna atau seimbang ialah gambar yang mempunyai unsur visual yang telah digubah dengan begitu cara sehingga “kelihatan” sama “berat”. Walau bagaimanapun, imbangan yang dimaksudkan ini tidak semestinya kelihatan bersimetri (lihat rajah 1). Sebaliknya, jika unsur gambar disusun secara tidak bersimetri tetapi secara imbang, ia akan kelihatan lebih menarik. Sebenarnya banyak lagi faktor lain yang akan mempengaruhi imbangan gambar, misalnya faktor jauh, dekat, atas atau bawah kedudukan gambar objek itu. Semuanya akan membawa maksud yang tersendiri. Oleh itu, seorang jurugambar seharusnya memahami faktor seperti ini supaya

pencapaian gubahan yang baik menjadi lebih mudah. Mungkin perhitungan seperti ini lambat laun akan menjadi satu sifat semulajadi kepada jurugambar itu.

Bentuk, garis dan lengkung juga penting dalam gubahan gambar. Perkara ini selalunya boleh dikawal oleh jurugambar. Misalnya, dengan mengubah sudut dan jarak pengambilan atau dengan menggunakan kanta yang mempunyai jarak fokus yang berbeza, seorang jurugambar boleh mengatur dan menyusun unsur tersebut supaya kesan tertentu boleh didapati. Sebagai contoh, kita tahu bahawa garis berkemungkinan memberi implikasi ruang dan dalam pada suatu gambar jika susunannya diatur sedemikian.

Satu lagi perkara yang menjadi faktor utama dalam gubahan ialah ulangan, di mana sesuatu unsur visual di dalam gambar kelihatan berulang-ulang atau berturutan. Teknik ini sebenarnya sudah lama diketahui dan sering digunakan dalam seni. Misalnya, ciri ulangan yang membawa irama dalam muzik, puisi dan sebagainya sudah tidak asing lagi kepada kita. Pada kenyataannya, kita memang mudah menerima perkara berulang-ulang sambil membawa sesuatu irama dan corak secara audio atau visual. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa kita selalu merasa lebih senang dengan benda yang kita biasa dan kenal, tambahan pula bila pertemuan seterusnya itu dialami dengan irama dan corak yang “menggembirakan.”

Penonton juga ingin melihat gambar yang bersifat realiti. Salah satu daripada teknik untuk menghasilkan gambar yang mempunyai sifat tersebut ialah dengan menunjukkan jalinan atau ‘texture’ objek. Jalinan juga berkemungkinan

membawa deriaan rasa. Misalnya penonton akan merasai seolah-olah dia ingin memegang dan merasai permukaan sesuatu objek itu. Inilah antara kesan realiti yang boleh diberi oleh gambar melalui penjelasan jalinan kepada objek yang didapati. Permukaan jalinan sesuatu objek itu sering didapati dengan kaedah cahaya tepian.